



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PELANCARAN MAKMAL ALAMI KENDERAAN BERAUTONOMI (AUTONOMOUS VEHICLES EXPERIMENTAL LAB – AV XL) UNTUK MEMACU INOVASI DALAM KENDERAAN BERAUTONOMI DAN MOBILITI GENERASI BAHARU

- Kemudahan dan perkhidmatan pertama seumpamanya dalam menguji dan mengesahkan sistem AV dalam persekitaran selamat, ekonomi, inklusif dan hijau untuk penggunaan awam.
 - Laluan pengujian sepanjang 12 km yang disambungkan dengan tempat letak kereta bertingkat dan perkhidmatan maya.
 - Pendekatan komprehensif termasuk penilaian dan pensijilan, perlindungan data dan keselamatan siber.
 - Persekitaran yang selamat, terbuka dan tertutup berdasarkan inovasi berpusatkan manusia dalam ekosistem R&D&C&I
-

9 NOVEMBER 2023, Kuala Lumpur - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui MRANTI melancarkan Makmal Alami Kenderaan Berautonomi MRANTI (MRANTI AV VL) di Taman MRANTI yang merupakan makmal AV terbesar di negara.

MRANTI AV XL merupakan sebuah pusat kecemerlangan kenderaan berautonomi (AV) dan *Next-Generation Vehicles* (NxGVs) dengan tujuan memacu pembangunan, pengujian dan pengkomersialan inovasi teknologi kenderaan berautonomi. Konsep makmal ini adalah berasaskan hasil perbincangan bersama pihak industri, agensi kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan yang cenderung kepada reka bentuk berpaksikan manusia bagi penciptaan bersama.

“Usaha ini menyokong kepada Dasar Automotif Nasional (NAP 2020) yang merangkumi objektif seperti pewujudan tempat ujian AV dan mempromosikan NxGVs. Selain itu, ia juga merupakan inisiatif yang dapat meningkatkan kecekapan dan pengurangan gas karbon pada masa hadapan. MRANTI AV XL merupakan tempat pengujian dan pengesahan teknologi AV yang paling besar di negara ini” kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Chang Lih Kang.

MRANTI AV XL merangkumi laluan ujian sepanjang 12 km disambung dengan tempat letak kereta bertingkat tertutup, kembar digital (penggabungan ujian maya dan penggunaan fizikal), liputan rangkaian 5G dan infrastruktur untuk AV berkomunikasi dengan pantas. Usaha juga sedang dijalankan untuk MRANTI menawarkan AV

simulator dengan MRANTI selaku *AV-as-a-Service Certification* yang bertujuan untuk menjadi pusat rujukan national bagi penggunaan dan pengaplikasian AV di jalan raya Malaysia tertakluk kepada kelulusan pihak berkepentingan yang berkaitan.

“Visi utama MRANTI AV XL adalah menyediakan satu pusat sehati kepada para inovator, korporat, penyelidik dan syarikat dalam bidang AV untuk meneroka, menguji, mengesahkan dan mengembangkan penyelesaian teknologi AV dalam persekitaran terkawal dan sebenar dengan pantas. MRANTI AV XL mampu menarik semua pemain utama dalam ekosistem AV dengan menyediakan satu platform untuk mempercepatkan perkembangan industri dan mendorong pergerakan industri mobiliti di Malaysia dan rantau ini,” ujar Chang Lih Kang.

Bersempena pelancaran MRANTI AV XL, lapan projek penyelidikan AV telah diumumkan bersama rakan strategik MRANTI - Universiti Nottingham Malaysia, NanoMalaysia dan Institut Penyelidikan Tenaga di Universiti Teknologi Nanyang Singapura yang menguruskan Pusat Kecemerlangan Pengujian & Penyelidikan AV (CETRAN).

MRANTI bekerjasama rapat dengan rakan industri seperti Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), Malaysia Automotive, Robotics & IoT Institute (MARii) dan Futurise serta pihak penguatkuasaan lain dan agensi kerajaan yang berkaitan dalam menggerakkan industri mobiliti ke hadapan.

“Taman MRANTI merupakan taman inovasi 5G pertama di Malaysia yang merangkumi makmal pengujian 5G. Pihak-pihak berkepentingan, inovator dan penyelidik-penyelidik di Taman MRANTI dapat memanfaatkan infrastruktur 5G sedia ada untuk meningkatkan kecekapan komunikasi (kadar kecepatan data yang lebih tinggi dan latensi yang lebih rendah), ketumpatan sambungan (*connection density*) (kebolehpercayaan, ketersediaan dan liputan) dan ketepatan kedudukan (mobiliti pengguna yang lebih tinggi),” kata Datuk Wira Dr. Rais Hussin, CEO MRANTI.

Dalam konteks AV XL, keupayaan 5G ini dapat membawa perubahan yang signifikan. Pengujian dan pelaksanaan AV adalah sangat bergantung pada keupayaan dan kemampuan dalam menghantar data dalam tempoh yang singkat dan tidak mengganggu supaya pengoperasian AV dapat dilaksanakan dengan selamat dan cekap. Dengan teknologi 5G, MRANTI AV XL mampu melakukan penyelidikan, pembangunan dan pengujian dengan tahap ketepatan dan kebolehpercayaan yang lebih tinggi” tambah CEO MRANTI.

#TAMAT#

Disediakan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
9 NOVEMBER 2023**

Pertanyaan Media:

MRANTI Strategic Communication

Syafieqa Satria syafieqa@mymagic.my (+6017-395 1088)

Intan Suraini intans@mranti.my (+6019-2699 611)

MRANTI

MRANTI berfungsi sebagai penyambung, pembina dan pemangkin untuk membolehkan idea-idea peringkat awal menjadi entiti matang untuk komersialisasi dan penskalaan. MRANTI menawarkan inovator dan industri akses kepada infrastruktur berintegrasi bertaraf dunia, intervensi dan program-program, rakan kongsi, serta rangkaian sumber. Dengan berbuat demikian, MRANTI ingin memperluaskan saluran bekalan inovasi Malaysia dan membuka nilai Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) baharu dengan memastikan peralihan yang berkesan dalam kitaran pengkomersialan. Ia juga akan menghubungkan pihak akademik dengan industri dan sektor awam untuk menyelaraskan usaha R&D berasaskan pasaran untuk hasil yang berorientasikan misi.

MRANTI beribu pejabat di Taman MRANTI, sebuah hab inovasi 4IR seluas 686 ekar yang terletak di Kuala Lumpur. Ia menyokong pertumbuhan kluster pembuatan pintar, bioteknologi, agroteknologi, bandar pintar, teknologi hijau, dan *enabling technology*.

Untuk maklumat lanjut, sila lawati <http://mranti.my/>